



SULTAN Ibrahim menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pendidikan Teknikal) kepada Abdullah Ahmad Badawi pada Majlis Konvokesyen Ke-9 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di Batu Pahat, semalam

SEBAHAGIAN graduan yang menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen Ke-9 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di Batu Pahat, semalam.

# Abdullah Ahmad Badawi dianugerah Ijazah Doktor Kehormat Falsafah Pendidikan Teknikal UTHM

Oleh HAMDAN TAWADI  
utusanjohor@utusan.com.my

**BATU PAHAT** 8 Julai – Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pendidikan Teknikal pada Majlis Konvokesyen Kesembilan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini hari ini.

Canselor UTHM, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar berkenan mencemar duli merasmikan konvokesyen dan mengumumikan ijazah kehormat itu kepada Tun Abdullah.

Sultan Ibrahim bertitah, penganugerahan itu menunjukkan UTHM menghargai dan mengiktiraf sumbangan besar Abdullah dalam pem-

angunan negara khususnya yang melibatkan perkembangan pendidikan teknik dan vokasional.

“Saya dan seluruh warga universiti serta rakyat Johor umumnya, mengucapkan tahniah kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi di atas penganugerahan tersebut,” titah baginda merasmikan majlis konvokesyen itu, di sini hari ini.

Seramai 242 graduan menerima ijazah masing-masing pada konvokesyen itu melibatkan Sarjana Muda seramai 222 orang, Sarjana (15) dan Doktor Falsafah (5).

Turut hadir isteri Abdullah, Jeanne Abdullah dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Sementara itu, Abdullah berkata,

usaha lebih giat perlu dilakukan bagi melahirkan 70 peratus daripada pelajar di negara ini terlibat dalam bidang teknikal dan vokasional agar hasrat menjadi negara maju dapat direalisasikan.

“Ini kerana negara maju bergantung kepada tenaga kerja teknikal dalam pelbagai bidang, Jerman misalnya, melahirkan 70 peratus pelajarannya dalam bidang teknik dan vokasional.

“Justeru, kita perlu tingkatkan jumlah pelajar dalam bidang itu sehingga melebihi 50 peratus, kalau boleh 70 peratus,” katanya.

Abdullah berkata, pada 2009, hanya tujuh peratus daripada keseluruhan 500,000 pelajar bagi setiap kohort mengikuti aliran teknik dan vokasional.

Beliau turut mengemukakan tiga

cadangan bagi meningkatkan jumlah pelajar mengikuti bidang teknikal sekali gus menghasilkan pekerja berkemahiran dan berpengetahuan bagi memenuhi keperluan negara maju.

Cadangan pertama, katanya, usaha perlu ditingkatkan bagi mengembangkan tenaga kerja dan kurikulum yang berkualiti dalam pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional.

Kedua, membuka peluang untuk mendapatkan kemahiran keusahawanan dan pengurusan bagi pelajar-pelajar yang ingin memulakan perusahaannya sendiri.

“Kerjasama yang berterusan antara pihak industri dan universiti berdasarkan pendekatan pendidikan bersifat *industry driven* juga perlu dilakukan.

“Dengan itu, pelajar dapat meningkatkan keupayaan dan kecekapan me-

reka untuk menjadi tenaga kerja berprestasi tinggi pada masa akan datang,” katanya.

Dalam pada itu, Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, sebagai sebuah universiti yang memberi penekanan terhadap pengajian bidang teknikal dan kejuruteraan, pihak universiti menganggap penganugerahan ijazah kehormat kepada Abdullah adalah amat bertepatan.

“Ini amat bertepatan memandangkan peranan dan sumbangan signifikan yang dilakukan beliau seperti pembangunan sekolah teknik dan kolej komuniti serta penukaran empat kolej universiti berasaskan teknikal kepada universiti penuh termasuk UTHM sendiri,” katanya.